

Kini dikenali Kolej Universiti Yayasan Pelajaran Johor (KUYPJ)
Yayasan Pelajaran Johor University College (DKU061 (J))

Rujukan Kami: KUYPJ/PDF/2026/105.4.4 (2)
Tarikh : 13 April 2026

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

**KENYATAAN TAWARAN TENDER
PELUPUSAN ASET ALIH (MPV TOYOTA VELLFIRE)
DI KOLEJ UNIVERSITI YAYASAN PELAJARAN JOHOR (KUYPJ)**

NO TENDER: KUYPJ/PDF/2026/105.4.4-2

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kolej Universiti Yayasan Pelajaran Johor (KUYPJ) akan menawarkan pelupusan sebuah **kenderaan rasmi** syarikat yang terdiri iaitu jenis **MPV** melalui **jualan secara tender**.
3. Sehubungan itu, syarikat atau individu yang berminat adalah dipelawa untuk menyertai tawaran tender tersebut tertakluk kepada terma dan syarat yang akan ditetapkan oleh pihak KUYPJ. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada **Timbalan Pendaftar (Pembangunan dan Aset), En. Muhammad Naharuddin bin Asman** di talian **011-56880311**.

Sekian, untuk makluman dan tindakan pihak tuan/puan selanjutnya. Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

'KESEMPURNAAN DAN KEMULIAAN'

Saya yang menjalankan amanah;



(DR. HJH. NOR AISHAH BINTI ABDUL AZIZ)
Ketua Eksekutif KUYPJ

s.k: Fail

KENYATAAN TAWARAN TENDER PELUPUSAN ASET ALIH KUYPJ

1. Tender adalah dipelawa kepada pihak yang layak/berminat untuk mengemukakan tawaran bagi membeli Aset Alih seperti berikut:

BIL	KETERANGAN ASET	KUANTITI	HARGA SIMPANAN (RM)
1	MPV TOYOTA VELLFIRE NO. PENDAFTARAN: JNR 1338	1	24,000.00

2. Aset boleh dilihat bermula **13 April 2026 (Isnin)** hingga **17 April 2026 (Jumaat)** di **Blok B, Kolej Universiti Yayasan Pelajaran Johor (KUYPJ)**.
3. Tender akan ditutup pada **27 April 2026 (Isnin)** jam **12.00** tengah hari.
4. Tawaran boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Tender Pelupusan Aset Alih KUYPJ (HM 103-A9d)** yang boleh didapati di alamat seperti di perenggan 5. **Tempoh sah laku tawaran adalah 90 hari** bermula dari tarikh tender ditutup.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul berlakri dan ditanda dengan **No. Tender KUYPJ/PDF/2026/105.4.4-2** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender 1** di alamat:

PEJABAT PENDAFTAR

**ARAS 1, BLOK B, KOLEJ UNIVERSITI YAYASAN PELAJARAN JOHOR
KM 16, JALAN KULAI-KOTA TINGGI
81900 KOTA TINGGI, JOHOR**

Waktu operasi pejabat: 8.00 pagi hingga 5.00 petang (Isnin hingga Jumaat)

6. **SYARAT DAN PERATURAN TENDER**
 - 6.1. Semua Aset Alih akan dijual **tertakluk kepada harga simpanan (nilai rizab)** yang telah ditetapkan.
 - 6.2. Pembida adalah dikehendaki menyertakan **Deposit Tender** sebanyak **10%** daripada harga tawaran bagi setiap aset atau tertakluk kepada had maksimum **RM10,000.00** bagi setiap pembida. Deposit Tender hendaklah dalam bentuk **Draf Bank** dan **Wang Pos** sahaja atas nama **KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR SDN. BHD.** Cek peribadi atau wang tunai tidak akan diterima.
 - 6.3. Tawaran tanpa/kurang Deposit Tender tidak akan dipertimbangkan.

- 6.4. Deposit Tender bagi pembida yang tidak berjaya akan dikembalikan selepas keputusan tender dimuktamadkan. Deposit Tender bagi **pembida yang berjaya** akan ditolak daripada jumlah harga jualan aset.
- 6.5. Deposit Tender akan dirampas/dilucutkan sekiranya pembida menarik balik tawaran sebelum keputusan tender dimuktamadkan atau **pembida yang berjaya** gagal menjelaskan bayaran penuh dalam tempoh yang ditetapkan di perenggan 6.9.
- 6.6. Semua Aset Alih dijual **sebagaimana keadaannya semasa dilihat** (*as-is-where-is basis*). **Pembida bertanggungjawab sepenuhnya** untuk membuat pemeriksaan ke atas aset sebelum mengemukakan tawaran.
- 6.7. Pihak KUYPJ tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, kehilangan, kecacatan atau tuntutan selepas aset tersebut dijual.
- 6.8. **Semua kos dan perbelanjaan berkaitan pembelian Aset Alih** termasuk kos menanggal (*dismantle*), pengangkutan, pemindahan, pembaikan, cukai, fi atau apa-apa kos lain **hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pihak pembeli**.
- 6.9. Pembida yang berjaya hendaklah membuat **pembayaran penuh** dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh pemberitahuan keputusan tender.
- 6.10. Pembida yang berjaya hendaklah mengambil aset yang dibeli dalam **tempoh tujuh (7) hari** selepas bayaran penuh dijelaskan. Sekiranya gagal, bayaran yang telah dibuat **tidak akan dikembalikan** dan pihak KUYPJ berhak melupuskan aset tersebut tanpa sebarang notis lanjut.
- 6.11. Pihak KUYPJ berhak menerima atau menolak mana-mana tawaran dan **tawaran harga tertinggi tidak semestinya diterima**, tertakluk kepada pematuhan syarat, kelayakan pembida dan penilaian Jawatankuasa Pelupusan Aset.
- 6.12. Keputusan Jawatankuasa Pelupusan Aset KUYPJ adalah **muktamad** dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dilayan.
- 6.13. Pihak KUYPJ berhak membatalkan tender ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian **pada bila-bila masa** tanpa sebarang liabiliti kepada mana-mana pihak pembida.

- 6.14. **Sebarang cukai, fi, permit atau kelulusan** pemilikan, pemindahan atau penggunaan aset termasuk urusan dengan JPJ, PDRM atau mana-mana agensi berkaitan adalah **tanggungjawab sepenuhnya pihak pembeli**, termasuk membawa aset ke **PUSPAKOM** bagi pemeriksaan tukar hak milik (**B5/B7**).
- 6.15. **Pemindahan hak milik aset hanya akan dibuat setelah bayaran penuh diterima** dan semua syarat tender dipatuhi sepenuhnya oleh pihak pembeli.
- 6.16. Pembida yang berjaya **WAJIB** memadamkan/menanggalkan semua logo, nama agensi dan identity KUYPJ daripada setiap aset dalam **tempoh tujuh (7) hari** selepas urusan pemindahan hak milik selesai, sebelum aset dibawa keluar atau digunakan di jalan raya.
- 6.17. Pembida hendaklah mengemukakan **salinan dokumen yang telah disahkan**, iaitu:
- a. salinan kad pengenalan; dan
 - b. bukti pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) - jika berkaitan.
- 6.18. Pembida yang berjaya dikehendaki menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** (Lampiran D) yang menyatakan bahawa pembida tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam KUYPJ atau mana-mana pihak lain sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender ini.

MAKLUMAT KENDERAAN

BIL	KETERANGAN ASET	IMEJ	HARGA SIMPANAN (RM)
1	MPV TOYOTA VELLFIRE NO. PENDAFTARAN: JNR 1338 TAHUN BELI: 2019	 A side-profile photograph of a black Toyota Vellfire MPV. The vehicle is parked on a paved surface with a white parking line. In the background, there are palm trees and a building under a clear sky.	24,000.00

BORANG TENDER PELUPUSAN ASET ALIH KUYPJ

Nama Individu/Syarikat: _____

No. Kad Pengenalan / Pendaftaran Syarikat: _____

Alamat:

Kepada:

Pejabat Pendaftar

Aras 1, Blok B, Kolej Universiti Yayasan Pelajaran Johor

KM 16, Jalan Kulai-Kota Tinggi

81900 Kota Tinggi, Johor.

Tuan,

TAWARAN UNTUK TENDER BERNOMBOR: KUYPJ/PDF/2026/105.4.4-1

Merujuk kepada perkara di atas, saya / syarikat berminat menyertai tender tersebut.

2. Tawaran saya / syarikat adalah seperti berikut:

BIL	KETERANGAN ASET	KUANTITI	HARGA TAWARAN (RM)
1	MPV TOYOTA VELLFIRE NO. PENDAFTARAN: JNR 1338	1	

3. Saya / Syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat dan peraturan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : _____ Cop Syarikat:

Tarikh : _____